



**ZAIDI** diiringi Rosli, Nasrul dan kenamaan lain bergambar selepas Majlis Perasmian Raptor Watch 2025. Foto MPAG

# Raptor Watch gamit lebih 2,000 pencinta alam

Norafiqah Jamal

**KUALA LINGGI** - Lebih 2,000 pencinta alam tempatan dan luar negara berhimpun pada Program Raptor Watch Tanjung Tuan 2025 bertempat di Taman Eko Rimba, Tanjung Tuan, 8 dan 9 Mac lalu.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka Nasrul Ahmad berkata program tersebut melibatkan orang awam, pelajar sekolah dan pencinta alam.

Katanya, selain melihat kehadiran unggas pihak turut menyusun beberapa aktiviti lain buat peserta seperti Forest Walks, Marine Walks, Biodiversity Talk, Pertandingan Melukis dan Pameran Agensi.

“Program ini dikategorikan sebagai sub sektor eko-pelancongan di Negeri Melaka dan mendapat penyertaan yang menggalakkan dari seluruh dunia antaranya United Kingdom; Amerika Syarikat; Jerman serta pelbagai lagi negara asing.

“Acara tahunan ini bertujuan bagi me-

nyaksikan kehadiran burung hijrah seperti Oriental Honey-Buzzard dan Gray-Faced Buzzard,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Majlis Perasmian Raptor Watch 2025 telah disempurnakan oleh Timbalan Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri Datuk Zaidi Attan.

Turut hadir, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Linggi, Datuk Rosli Abdullah.

Program tersebut merupakan anjuran bersama Bahagian Promosi Pelancongan (BPP); Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Ia turut mendapat kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, Jabatan Laut Negeri Melaka, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) selain sokongan pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang lain.